



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000  
Faks: 03 – 8891 5557  
Laman Web: [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel: [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter: [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook: [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

---

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (53)

Tarikh : 21 April 2017

## **SIARAN MEDIA**

### **MAJLIS PENYERAHAN KUNCI**

#### **PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) TEHEL, MELAKA**

Jasin, 21 April 2017 – YAB Perdana Menteri menyempurnakan Majlis Penyerahan Kunci Program Perumahan Rakyat (PPR) Tehel, Melaka pada hari ini.

2. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah membina Program Perumahan Rakyat (PPR) Tehel, Melaka ini dengan melibatkan kos pembangunan sebanyak RM 80 juta bagi pembinaan 500 unit rumah pangsa termasuk kemudahan Surau, Dewan Serbaguna, Tadika, Kedai, Gerai Gelanggang Futsal, Gelanggang Takraw dan Taman Permainan di atas tapak seluas 10 ekar dan telah disiapkan pada 29 Julai 2016.

3. PPR adalah salah satu inisiatif Kerajaan Persekutuan bantu rakyat mendapatkan kemudahan rumah yang selesa dimana **setiap unit rumah mendapat subsidi lebih kurang 80% daripada kos pembinaan iaitu sekitar RM 110 – RM 140 ribu seunit.**

4. PPR Tehel, Melaka yang terletak di Daerah Jasin, Mukim Ayer Panas Melaka akan memberikan kemudahan perumahan yang berkualiti, selesa serta mampu disewa atau dibeli oleh golongan yang berpendapatan rendah. Ini juga akan mengurangkan masalah penyediaan rumah mampu milik yang tidak mencukupi kepada rakyat.

5. Unit PPR ditawarkan kepada rakyat sama ada secara sewaan **pada kadar serendah RM124 sebulan** ataupun **dijual pada harga serendah RM35,000 seunit di Semenanjung Malaysia dan RM42,000 di Sabah dan Sarawak.** Kadar sewaan dan harga jualan ini adalah jauh lebih rendah daripada harga pasaran perumahan semasa dan kadar yang ditawarkan oleh Kerajaan Persekutuan mengambil kira kemampuan golongan rakyat yang layak menduduki PPR ini.

6. Kaedah Sewa Untuk Dimiliki – *Rent to Own (RTO)* telah diperkenalkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 sebagai kaedah alternative yang diperkenalkan khusus untuk membantu pemohon atau bakal pembeli unit PPR yang tidak layak dibiayai melalui institusi kewangan komersial sedia ada.

7. Bagi skim RTO ini, pemohon yang layak perlu melalui proses penyewaan unit PPR untuk suatu tempoh masa yang ditetapkan oleh Kerajaan iaitu dua (2) tahun dan apabila genap tempoh penyewaan tersebut, mereka layak untuk diberi pemilikan melalui kaedah RTO unit PPR yang telah diduduki tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat kelayakan untuk memiliki Unit PPR yang telah ditetapkan.

8. Kaedah Sewa Untuk Dimiliki dilaksanakan di empat (4) buah projek PPR iaitu PPR Gua Musang, Kelantan (1000 unit), PPR Lembah Subang 2, Selangor (1,580 unit), PPR Kampung Hassan, Selangor (300 unit) dan PPR Ladang Silliau, Port Dickson (300 unit). KPKT akan membuat pengumuman untuk melaksanakan Kaedah RTO di PPR yang lain apabila keputusan telah dibuat kelak.

9. Sehingga 28 Februari 2017 bagi Negeri Melaka, Kementerian telah melaksanakan 5 Projek PPR yang merangkumi 1,851 unit rumah PPR yang ditawarkan di negeri Melaka. Daripada jumlah tersebut sebanyak 3 projek (1,436 unit) telah disiapkan, 1 projek (255 unit) masih dalam pembinaan, manakala 1 projek (160 unit) masih dalam pelbagai peringkat perancangan.

10. Penyediaan rumah di bawah Program PPR merupakan salah satu daripada kaedah untuk mencapai sasaran satu (1) juta rumah mampu milik (RMM) seperti yang telah dijanjikan. Sehingga 31 Disember 2016 sebanyak 20.7% daripada sasaran satu (1) juta Rumah Mampu Milik telah Berjaya disiapkan manakala 21.7% adalah dalam fasa pembinaan dan 41.3% adalah dalam fasa perancangan.

11. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah membina 9,850 unit baharu di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) dan menyiapkan 11,250 unit rumah PPR serta membina 10,000 unit rumah di bandar untuk disewa oleh golongan muda pada kadar lebih rendah dari kadar pasaran, membaik pulih fasiliti kawasan flat & Program Perumahan Rakyat (PPR) menerusi Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (dengan peruntukan RM300 juta)

-----  
*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat*

*b.p. Ketua Setiausaha*

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

*Telefon : 03-8891 5555*

*Faks : 03-8891 5557*

*E-mel : pro@kpkt.gov.my*